

# PN tak wajar kecam penyasaran semula subsidi bahan api



Naib Canselor  
Universiti Utara  
Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Mohd Fo'ad Sakdan  
bhrencana@bh.com.my

Dalam Perutusan Negara, Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan komitmen kerajaan untuk menyelesaikan tiga masalah fiskal utama negara, sekali gus menambah baik pengurusan wang awam.

Ia bagi membolehkan kerajaan berbelanja untuk kebajikan rakyat dan meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Bagi menyelesaikan masalah ini, kerajaan mengambil pendekatan berani menyasarkan semula subsidi.

Subsidi bersasar membolehkan kerajaan meraih penjimatan RM4 bilion setahun mengikut penggunaan elektrik, selain penjimatan RM100 juta sebulan menerusi pengapungan harga ayam hingga menstabilkan bekalan dan merendahkan harga ayam.

Anwar turut mengumumkan mesyuarat Kabinet bersetuju melaksanakan penyasaran subsidi ke atas bahan api diesel. Sebagai permulaan, penyasaran subsidi diesel membabitkan pengguna di Semenanjung sahaja.

Penjimatan penyasaran subsidi ini pula digunakan untuk menambah baik bantuan kepada rakyat, antaranya meningkatkan peruntukan dan meluaskan bilangan penerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA), Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Insentif Pengeluaran Getah (IPG) serta Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).

Penyasaran subsidi bahan api bukan baharu. Dalam 100 hari pertama pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (PH) selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), manifesto dikemukakan berjanji melaksanakan 10 perkara tertentu dengan janji ke-

dua adalah untuk 'menstabilkan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar'.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menubuhkan Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) diketuai bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan CEP dilapor membentangkan cadangan subsidi bahan api kepada Perdana Menteri selepas sebulan ditubuhkan tetapi jawapan di Parlimen pada 23 Julai 2018 ialah 'mekanisme terperinci sedang dikaji'.

Dr Mahathir pada 8 Oktober 2019 menyatakan negara tidak boleh memberi subsidi petrol kepada orang kaya mempunyai hingga enam kereta, termasuk kereta mewah. Skim dikenali sebagai Program Subsidi Petrol (PSP) Bersasar ini dinyatakan dalam Belanjawan 2020, dirancang untuk dilaksanakan secara berperingkat bermula April 2020.

Begitupun, kerajaan PH tumbang apabila Dr Mahathir meletakkan jawatan pada 24 Februari tahun berkenaan. Pengganti beliau, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, pula bersuara mengenai Skim Subsidi Bersasar (SSB) pada 30 Julai 2022 selepas tidak

lagi menjadi Perdana Menteri dan hanya menjadi Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN).

Sehingga ke akhir pentadbiran Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri, kerajaan masih pada peringkat awal pengujian mekanisme pemberian subsidi petrol secara bersasar yang jangka memerlukan tempoh antara tiga hingga enam bulan sebelum bersedia dilaksanakan.

## Subsidi kepada peniaga diteruskan

Oleh itu, tidak wajar mana-mana pemimpin Perikatan Nasional (PN) mengecam rancangan Kerajaan MADANI membuat penyasaran subsidi bahan api yang kononnya 'akan menjejaskan seluruh rantaian ekonomi' apabila Perdana Menteri didukung mereka sebelum ini juga berhasrat melakukan perkara sama.

Apatah lagi Anwar menegaskan bagi membendung kenaikan mendadak harga barang dan perkhidmatan, kerajaan akan terus memberi subsidi kepada peniaga menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel membabitkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Kerajaan juga akan terus memberi subsidi diesel kepada kategori nelayan tertentu, selain menyediakan bantuan tunai kepada pemilik individu kenderaan diesel yang layak, termasuk petani kecil, pesawah dan peniaga kecil. Selain jangkaan penjimatan sekitar RM4 bilion setahun, ia adalah bagi memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara bagi menangani kos sara hidup.

Jelas, semua ini mampu dijayakan jika ada tekad kukuh mengeluarkan negara daripada kancap perangkap pendapatan menengah, seterusnya mencapai tujuh penanda aras Inisiatif Ekonomi MADANI.

